



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

14 OGOS 2021 (SABTU)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

14 OGOS 2021 (SABTU)

KPDNHEP rampas 232 termometer tiruan RM25,720

PUTRAJAYA – Taktik peniaga menjual termometer disyaki tiruan secara dalam talian terbongkar apabila pihak berkuasa menyerbu dua lokasi berasingan di Klang, Selangor dan Bukit Jalil, Kuala Lumpur pada 5 dan 10 Ogos lalu.

Dalam operasi itu, pihak berkuasa berjaya merampas 232 unit termometer dengan nilai rampasan berjumlah RM25,720.

Serbuan itu dilakukan sepasukan penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor dan Putrajaya.

Timbalan Pengarah Penguat Kuasa Operasi, Shamsul Nizam Khalil berkata, kedua-dua ope-

rasi itu dijalankan hasil maklumat dan aduan daripada wakil pemilik cap dagang berdaftar yang mengesan terdapat peniaga menjual termometer disyaki tiruan secara online.

“Modus operandi peniaga terbabit adalah dengan mengiklankan termometer menggunakan jenama popular di pasaran dengan harga lebih murah daripada pasaran semasa bagi menarik minat pembeli,” katanya menerusi kenyataan semalam.

Kes berkenaan kini disiasat di bawah Seksyen 102 (1) (c) Akta Cap Dagangan 2019. Jika disabit kesalahan, seseorang boleh didenda tidak melebihi RM10,000.



SEBAHAGIAN termometer yang dirampas penguat kuasa KPDNHEP dalam dua serbuan berasingan di Klang dan Bukit Jalil baru-baru ini.

Tiga ditahan bersama 6.4 tan metrik minyak masak, diesel

BUKIT MERTAJAM: Tiga lelaki warga tempatan ditahan manakala 2.4 metrik tan minyak masak dan empat metrik tan diesel dirampas bersama sebuah lori dengan nilai rampasan keseluruhan dianggarkan bernilai RM28,000, semalam.

Pengarah Pejabat Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ekwil Pengguna (PPDNHEP) negeri, Mohd. Ridzuan Ab. Ghapar berkata, penahanan dan rampasan itu dibuat kira-kira pada pukul 12 tengah hari susulan pemeriksaan di sebuah stor di Taman Limau

Manis, di sini.

Terdahulu, beliau berkata, pihaknya menjalankan risikan selama sebulan hasil aduan orang ramai sebelum menyerbu dan memeriksa stor berkenaan.

“Semasa pemeriksaan dijalankan, ketiga-tiga lelaki itu ditahan kerana disyaki telah memotong plastik minyak masak bersubsidi seberat 1 kilogram (kg) serta telah memindahkan minyak tersebut ke dalam tangki fiber.

“Selain itu, terdapat sejumlah minyak diesel yang disimpan di premis tersebut yang disyaki

tidak mempunyai lesen atau permit yang sah,” katanya di sini hari ini.

Menurut beliau, kes itu kini disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 dan mana-mana individu yang didapati bersalah boleh didenda sehingga RM1 juta atau penjara selama tiga tahun atau kedua-duanya sekali bagi kesalahan pertama.

Bagi kesalahan kedua dan seterusnya pula, jelasnya, boleh didenda tidak melebihi RM3 juta atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali.

KPDNHEP rampas minyak masak, diesel bernilai RM28,000

BUKIT MERTA JAM - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) merampas sebanyak 2.4 tan metrik minyak masak dan empat tan metrik diesel dianggarkan bernilai RM28,000.

Pengarah KPDNHEP Pulau Pinang, Mohd Ridzuan Ab Ghapar berkata, rampasan itu dibuat susulan tangkapan tiga lelaki di sebuah stor di Taman Limau Manis di sini pada Rabu.

Menurutnya, serbuan kira-kira jam 12 tengah hari itu dilakukan tiga pegawai hasil risikan selama sebulan melalui aduan orang ramai.

“Semasa pemeriksaan dijalankan, tiga lelaki tempatan ditahan kerana disyaki telah memotong plastik minyak masak bersubsidi satu kilogram dan memindahkannya ke tangki fiber.

“Selain itu, terdapat sejumlah minyak diesel disimpan di premis yang disyaki tidak mempunyai lesen atau permit sah,” katanya di sini pada Jumaat.

Mohd Ridzuan berkata, pihaknya juga turut merampas sebuah lori yang digunakan kumpulan terbabit.

Beliau berkata, kes disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 dan mana-mana individu yang didapati bersalah boleh didenda sehingga RM1 juta atau penjara selama tiga tahun, atau kedua-duanya sekali bagi kesalahan pertama.

Bagi kesalahan kedua dan seterusnya pula, jelasnya, boleh didenda tidak melebihi RM3 juta atau penjara tidak melebihi lima tahun, atau kedua-duanya sekali.



Pegawai KPDNHEP memeriksa tong yang digunakan untuk menyimpan minyak dalam serbuan di Bukit Mertajam pada Rabu.

Kaut untung botolkan semula minyak masak subsidi

Bukit Mertajam: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pulau Pinang berjaya menumpaskan sindiket penyelewengan minyak masak peket bersubsidi satu kilogram (kg) dalam serbuan di sebuah stor Taman Limau Manis di sini, kelmarin.

Pengarahnya Mohd Ridzuan Ab Ghapar berkata, bertindak hasil maklumat dan risikan sejak sebulan lalu, pihaknya bertindak menyerbu stor berkenaan pada 12 tengah hari dan menahan tiga lelaki tempatan berusia 30-an yang sedang memotong plastik minyak masak bersubsidi satu kilogram (kg) sebelum memindahkan ke dalam tangki fiber.

"Kami merampas 2.4 metrik tan minyak masak dipercayai cuba diseleweng-

kan dan empat metrik tan minyak diesel dianggarkan bernilai RM28,000 serta sebuah lori.

"Dalam serbuan berkenaan, selain mengesan aktiviti penyelewengan minyak masak bersubsidi, kami turut menemui minyak diesel yang dipercayai tidak mempunyai lesen atau permit sah (untuk disimpan)," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau berkata, pihaknya tidak menolak kemungkinan minyak masak itu akan dibotolkan dan dijual dengan harga lebih mahal sedangkan minyak peket satu kg itu adalah minyak bersubsidi yang dijual RM2.50 setiap satu.

Mohd Ridzuan berkata, ketiga-tiga lelaki itu ditahan bagi membantu siasatan mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.



Senarai Harga Barang Keperluan	
<ul style="list-style-type: none"> • Ayam • Daging Lembu Tempatan • Daging Lembu Import 	RM6.90 RM40 RM29.90
<ul style="list-style-type: none"> • Telur Gred A • Ikan Kembung • Minyak Masak 	RM12 RM11.90 RM6.70
<ul style="list-style-type: none"> • Gula Pasir • Bawang Besar Holland • Bawang Putih 	RM2.85 RM2.80 RM6.90
<ul style="list-style-type: none"> • Cili Merah • Kubis Bulat Tempatan • Tepung Gandum 	RM12 RM2.20 RM2.15

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDN/HEP